

PEMBUKTIAN KES HADHANAH: ANALISIS TERHADAP ALASAN PENGHAKIMAN DI MAHKAMAH SYARIAH

SITI SALIHAH ABU BAKAR

Pelajar Sarjana

Universiti Islam Selangor (UIS)

24mt21003@postgrad.uis.edu.my

AZIZAH MOHD RAPINI

Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Universiti Islam Selangor (UIS)

azizah@uis.edu.my

ABSTRAK

Hak hadhanah merupakan suatu tuntutan yang boleh difailkan di mahkamah syariah oleh bekas pasangan suami atau isteri atau mana-mana ahli keluarga yang berkenaan untuk ditentukan siapakah yang berhak untuk mendapatkan hak jagaan terhadap kanak-kanak yang belum mumayyiz selepas berlakunya pembubaran perkahwinan atau pun kematian dari salah seorang ibu atau bapa kanak-kanak tersebut. Prinsip pembuktian Islam menghendaki pihak-pihak yang berjuang dalam tuntutan hak hadhanah untuk membuktikan kelayakkannya sebagai hadinah atau ketidaklayakan pihak lawan disebabkan wujudnya hal-hal yang menggugurkan hak hadhanah. Walau bagaimanapun, sehingga masa ini masih lagi timbul isu atau kesamaran mengenai aspek pembuktian yang diguna pakai oleh para hakim dalam mengemukakan alasan penghakiman bagi kes hadhanah yang dikendalikan di mahkamah syariah. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka alasan-alasan penghakiman terutama aspek pembuktian yang dijadikan asas kepada penghakiman oleh hakim di Mahkamah Tinggi Syariah dalam kes hadhanah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui perolehan data kepustakaan dan analisis dokumen-dokumen seperti artikel, jurnal dan laporan kes-kes mahkamah syariah berserta statut. Dapatkan kajian merumuskan alasan penghakiman kes hadhanah kebiasaannya akan mengulas mengenai isu pembuktian dari aspek beban pembuktian beserta dengan prinsip syarak yang berkaitan dan status keterangan daripada pihak-pihak sama ada melalui saksi-saksi serta dokumen-dokumen yang dikemukakan di dalam mahkamah syariah. Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan akan dapat membantu serta menjadi panduan atau rujukan kepada pengamal undang-undang dalam persediaan untuk mengemukakan hujah-hujah yang diperlukan dalam kes hadhanah yang dikendalikan seterusnya dapat membuka lagi ruang-ruang kajian susulan.

Kata kunci: hadanah, kaedah pembuktian, penghakiman, mahkamah syariah

PENGENALAN

Tuntutan hak hadhanah sering menjadi tuntutan utama antara bekas suami dan isteri selepas berlakunya perceraian antara pihak-pihak. Hak hadhanah ini merupakan suatu perkara yang sangat penting dan telah dititik beratkan dalam Islam supaya kebijakan kanak-kanak tersebut sentiasa dapat dipelihara serta dilindungi dengan sebaik mungkin. Oleh sebab itu, telah menjadi satu kewajipan kepada ibu bapa mereka dalam memastikan kebijakan anak tersebut sentiasa dapat dipelihara dan dilindungi. Tambahan lagi, dalam Islam juga telah menitik beratkan mengenai isu hak jagaan anak kepada pihak-pihak yang berhak untuk menjadi hadinah bagi menjamin kebijakan mereka sehingga mereka dewasa. Perkara ini juga telah diperuntukkan dalam perundangan Islam melalui Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia mengenai penentuan terhadap tuntutan hak hadhanah bagi siapa

yang berkelayakan sebagai hadinah ke atas anak tersebut. Pihak-pihak yang terlibat perlu membuktikan kelayakan mereka melalui kaedah pembuktian yang relevan bagi membantu para hakim untuk membuat penghakiman terhadap tuntutan tersebut. Para hakim yang mengendalikan kes hadhanah akan mengemukakan alasan penghakimannya dengan merujuk kepada prinsip-prinsip hukum syarak dan dengan pertimbangan terhadap pembuktian yang telah dikemukakan oleh pihak-pihak yang bertikai. Walau bagaimanapun, tidak semua alasan-alasan penghakiman kes-kes hadhanah memperincikan atau mengulas aspek kaedah-kaedah pembuktian sebagai sebahagian dari pertimbangan hakim. Oleh yang demikian, kajian ini akan melihat kepada alasan-alasan penghakiman yang menyentuh aspek pembuktian yang dijadikan asas kepada penghakiman oleh hakim di Mahkamah Tinggi Syariah dalam kes-kes hadanah agar prinsip pembuktian menurut sistem penghakiman difahami secara jelas.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif yang melibatkan perolehan data kepustakaan melalui artikel jurnal dan laporan kes-kes mahkamah syariah beserta statut yang berkaitan. Kajian ini melibatkan analisis kandungan dokumen berkaitan kaedah pembuktian dan hak hadhanah terutama laporan bertulis kes mahkamah syariah dalam Jurnal Hukum, Syariah Law Report, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.

SOROTAN LITERATUR

Hak hadhanah merupakan hak eksklusif yang diberikan kepada ibu atau dialihkan kepada orang lain untuk memelihara anak yang masih di bawah umur yang ditetapkan setelah berlakunya perceraian di antara suami dan isteri sehingga anak tersebut mumaiyiz (Burhanuddin A.Gani & Aja Mughnia, 2021). Hadanah juga merupakan suatu bentuk kasih sayang Allah SWT terhadap hamba-hambaNya iaitu dengan cara menjaga anak-anak yang dilahirkan dari rahim seorang ibu. Oleh yang demikian, hadanah merupakan bentuk rahmat dari Allah SWT yang dititipkan ke dalam hati kedua orang tua dengan menjalankan kewajipan mereka dalam memberikan rahmat dan kasih sayang tersebut kepada anak-anak mereka supaya anak-anak mereka dapat membiasakan diri dengan menyayangi, mengasihi dan melakukan kebaikan kepada orang lain sebagai bentuk akhlak dalam perbuatan anak-anak mereka (Achmad Muhajir, 2017).

Hadhanah menurut hukum syarak juga boleh dimaksudkan dengan pemeliharaan kanak-kanak yang masih kecil, sama ada lelaki atau perempuan atau kanak-kanak belum cerdik yang tidak mumaiyiz, sesudah berlaku perceraian antara kedua ibu bapa mereka (Nur Zulfah, 2018). Menurut fukaha Hanafiah hadanah boleh diertikan sebagai usaha mendidik anak yang dilakukan oleh seseorang yang mempunyai hak mengasuh. Sayyid Sabiq mengungkapkan hadanah adalah suatu sikap pemeliharaan terhadap anak kecil baik lelaki atau perempuan atau kurang berakal yang belum dapat membezakan antara baik dan buruk dan belum berkemampuan untuk mengurus diri sendiri (Achmad Muhajir, 2017).

Nur Zulfah (2019) menyatakan bahawa hak jagaan anak seringkali diberikan kepada ibu dan dalam keadaan kes tertentu kepada bapa. Dalam sejarah Islam telah berlaku perebutan penjagaan terhadap anak Saidina Hamzah R.A dan Rasulullah S.A.W memutuskan anak tersebut dijaga oleh isteri Jaafar iaitu ibu saudara anak tersebut. Hal ini kerana, Rasulullah

S.A.W mengambil kira aspek kebijakan anak tersebut yang masih kecil dan memerlukan kasih sayang dari ibunya. Perkara ini dapat dilihat apabila hakim telah merujuk hadis ini di dalam kes *Azizi Ramli & Kiah Man lwn. Wan Sharinee Fitra Wan Yahaya & Zainab Hashim* (2004) 18 JH (1) 39). Hakim dalam kes ini merumuskan bahawa ibu lebih berhak terhadap hadhanah berbanding dengan pihak-pihak lain berdasarkan kepada sifat dan perasaan semulajadi seorang ibu terhadap anaknya. Tambahnya lagi, dengan merujuk kepada kes-kes di mahkamah syariah kebijakan anak-anak adalah lebih diutamakan berbanding keperluan dan kehendak ibu bapa. Aspek kebijakan merangkumi segala kebaikan yang mampu disediakan oleh penjaga kepada anak tersebut di samping kemahuan dan kehendak anak ingin tinggal bersama penjaga tersebut.

Fadhil Fadani (2023) menyatakan bahawa perlindungan agama anak menjadi perkara yang penting untuk hakim memberikan keputusan hadhanah. Peruntukan undang-undang keluarga Islam di Malaysia telah menyentuh mengenai kelayakan yang harus ada pada diri seseorang yang berhak untuk mendapat hak jagaan anak iaitu beragama Islam dan mempunyai kelakuan yang baik dari segi akhlak Islamiyah. Dalam kajiannya membuktikan bahawa hakim di Mahkamah Syariah telah menjadikan agama seseorang anak itu sebagai pertimbangan yang sangat penting sebelum membuat keputusan dalam kes hadhanah.

Dina Fatimah (2023) merumuskan bahawa dalam pertikaian hadanah anak yang telah mencapai tahap *mumaiyiz*, anak boleh diberi pilihan kebebasan untuk menentukan pilihan tinggal bersama ibu atau bapa. Bagi anak yang belum *mumayyiz* hak hadhanah diberikan kepada ibu anak tersebut sebagai keutamaan sekiranya tiada perkara-perkara yang boleh menggugurkan hak tersebut. Dalam memutuskan pertikaian hadhanah, perkara yang paling utama yang dilihat oleh hakim adalah kemaslahatan anak tersebut walaupun anak yang masih di bawah umur dipandang lebih memerlukan seorang ibu di samping fakta-fakta mengenai kemahiran dalam mengurus anak tersebut.

Nadia Murshida (2020) menyatakan tuntutan hadanah adalah bukan sekadar suatu tuntutan untuk memperolehi hak penjagaan anak dengan melihat kepada alasan terhadap sesuatu permohonan di mahkamah. Hal ini kerana isu penjagaan anak mempunyai hubung kait dengan soal kebijakan anak yang merangkumi keseluruhan keperluan tumbesaran fizikal, mental, rohani, perasaan dan material kanak-kanak serta perbincangan mengenai tanggungjawab keibubapaan.

Muhammad Fiqri (2023) menyatakan bahawa dalam tuntutan hak hadanah masing-masing suami atau isteri memperebutkan siapa yang paling berhak untuk menjadi hadinah ke atas anak tersebut terutamanya bagi status anak yang belum *mumayyiz*. Disebabkan hal ini, dengan merujuk kepada Mazhab Syafie bagi status anak yang belum *mumayyiz*, orang yang paling berhak untuk menjadi hadinah adalah ibu. Dalam hal ini, prinsip fiqh menetapkan dalam hak penjagaan anak kepada beberapa aspek iaitu umur dan jenis kelamin, keadaan anak beserta karakter kedua ibu bapa tersebut.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Umumnya, orang yang paling berhak mendapat hak hadhanah adalah ibu. Walau bagaimanapun, dalam kes-kes tertentu ibu tidak berhak untuk mendapatkan hak hadhanah atas sebab-sebab tertentu. Oleh sebab itu, hak ibu tersebut boleh dialihkan kepada pihak lain

atas perintah mahkamah sepetimana yang telah diperuntukkan dalam seksyen 82 (1) dan (2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor (2003) iaitu:

- 1) Tertakluk kepada seksyen 83, ibu adalah yang paling berhak dari segala orang bagi menjaga anak kecilnya dalam masa ibu itu masih dalam perkahwinan dan juga selepas perkahwinannya dibubarkan.
- 2) Jika mahkamah berpendapat bahawa ibu adalah hilang kelayakan di bawah Hukum Syarak dari mempunyai hak terhadap hadhanah atau penjagaan anaknya, maka hak itu, tertakluk kepada subseksyen (3), hendaklah berpindah kepada salah seorang yang berikut mengikut susunan keutamaan yang berikut, iaitu-
 - a) nenek sebelah ibu hingga ke atas,
 - b) bapa,
 - c) nenek sebelah bapa hingga ke atas,
 - d) kakak atau adik perempuan seibu seapa,
 - e) kakak atau adik perempuan seibu,
 - f) kakak atau adik perempuan seapa,
 - g) anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu seapa,
 - h) anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu,
 - i) anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seapa,
 - j) emak saudara sebelah ibu,
 - k) emak saudara sebelah bapa,
 - l) waris lelaki yang boleh menjadi warisnya sebagai ‘asabah atau residuari:

Dengan syarat penjagaan orang demikian tidak menjelaskan kebijakan kanak-kanak itu.

Enakmen ini juga telah memperuntukkan beberapa syarat kelayakan bagi seorang penjaga tersebut untuk mendapatkan hak hadhanah. Perkara ini diperuntukkan dalam seskyen 83 EUKIS 2003 iaitu:

Seseorang yang mempunyai hak mendidik seseorang kanak-kanak, adalah berhak menjalankan hak terhadap hadhanah jika-

- a) dia adalah seorang Islam;
- b) dia adalah sempurna akal;
- c) dia berumur yang melayakkan dia memberi kepada kanak-kanak itu jagaan dan kasih sayang yang mungkin diperlukan oleh kanak-kanak itu;
- d) dia berkelakuan baik dari segi akhlak Islamiah; dan
- e) dia tinggal di tempat di mana kanak-kanak itu tidak mungkin menghadapi apa-apa akibat buruk dari segi akhlak atau jasmani.

Seksyen 84 EUKIS 2003 pula telah memperuntukkan mengenai beberapa keadaan yang boleh menyebabkan seseorang ibu hilang kelayakannya untuk menjaga anak. Keadaan tersebut adalah seperti berikut:

Hak seseorang perempuan terhadap hadhanah adalah hilang-

- a) jika perempuan itu berkahwin dengan seseorang yang tidak mempunyai pertalian dengan kanak-kanak itu yang orang itu dilarang berkahwin dengan kanak-kanak itu, jika penjagaannya dalam hal sedemikian akan menjelaskan kebijakan kanak-kanak itu tetapi haknya untuk penjagaan akan kembali semula jika perkahwinan itu dibubarkan;

- b) jika perempuan itu berkelakuan buruk secara keterlaluan dan terbuka;
- c) jika perempuan itu menukar pemastautinannya dengan tujuan untuk mencegah bapa kana-kanak itu dari menjalankan pengawasan yang perlu ke atas kanak-kanak itu, kecuali bahawa seorang isteri yang bercerai boleh mengambil anaknya sendiri ke tempat lahir isteri itu;
- d) jika perempuan itu *murtad*;
- e) jika perempuan itu mencuaikan atau menganiayai kanak-kanak itu.

Justeru itu, peruntukan-peruntukan di atas merupakan di antara asas rujukan dan pertimbangan utama hakim dalam memutuskan sebarang pertikaian kes hadhanah di mahkamah syariah.

Pembuktian Dalam Kes Hadhanah di Mahkamah Syariah

Suhaizad Saifuddin (2019) menyatakan bahawa pembuktian merupakan elemen yang signifikan dalam suatu prosiding perbicaraan dan perlu dikemukakan secara teratur di mahkamah. Hal ini kerana, bagi mencapai keadilan dalam sesuatu proses perbicaraan, semua fakta dan isu yang dibangkitkan perlu disokong dengan pembuktian yang tuntas dan dikemukakan di hadapan hakim. Pembuktian tersebut perlu dikemukakan melalui kaedah tertentu yang telah ditetapkan dalam peruntukan yang sedia ada dan yang relevan boleh dikemukakan. Dalam kajianya membuktikan bahawa terdapat tujuh kaedah pembuktian yang diperuntukkan di bawah Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 dan lima daripadanya telah diadaptasi daripada Akta Keterangan 1950, sementara pemakaian *qarinah* dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 pula dilihat berbeza dari perspektif hukum syarak kerana *qarinah* mempunyai skop yang lebih luas konsepnya.

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa pembuktian merupakan elemen yang penting bagi membuktikan sesuatu fakta atau isu oleh pihak-pihak bertikai mengenai tuntutan yang dilakukan di dalam mahkamah syariah untuk membuktikan sama ada mereka layak untuk mendapat hak hadhanah atau untuk membuktikan sebaliknya di pihak satu lagi. Justeru, terdapat beberapa pembuktian utama yang boleh dikemukakan oleh pihak-pihak yang bertikai dalam tuntutan kes hadhanah di mahkamah syariah. Antaranya ialah:

Pengakuan (Iqrar)

Dalam kajian Suhaizad Saifuddin (2019) menyatakan bahawa pengakuan merupakan pembuktian yang paling signifikan antara pembuktian yang lain kerana ia tidak mempunyai tuntutan atau dakwaan yang memerlukan pembuktian seperti kesaksian dan sebagainya. Pembuktian melalui pengakuan juga telah diperuntukkan dalam seksyen 17 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2003 yang menyatakan:

- 1) *Iqrar* ialah suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap mana-mana orang lain berkenaan dengan sesuatu hak.
- 2) Apa-apa *iqrar* hendaklah dibuat –
 - a) Di dalam Mahkamah, di hadapan Hakim: atau
 - b) Di luar Mahkamah, di hadapan dua orang saksi lelaki yang aqil, baligh dan ‘adil’.

3)

Dalam kes tuntutan hadanah, pembuktian melalui pengakuan boleh dikemukakan oleh pihak-pihak yang bertikai semasa prosiding kes di mahkamah syariah. Misalnya seperti pengakuan oleh pihak-pihak mengenai kelayakan mereka untuk menjaga anak tersebut. Dengan pengakuan yang dikemukakan oleh pihak-pihak bertikai, mahkamah boleh memutuskan atau mempertimbangkan tuntutan hak hadanah terhadap anak tersebut. Disebabkan pengakuan merupakan kaedah pembuktian yang kuat dan boleh mencapai tahap *al-yaqin*, maka pengakuan yang dibuat oleh pihak-pihak bertikai boleh memudahkan mahkamah untuk membuat keputusan terhadap kes yang didengar.

Kesaksian (Syahadah)

Menurut Suhaizad Saifuddin (2019) kesaksian dapat difahami sebagai pemberitahuan oleh seseorang saksi dalam suatu majlis kehakiman tentang sesuatu hak orang lain dengan lafaz kesaksian. Dalam kajian Azizah (2023) menyatakan bahawa kesaksian merupakan kaedah pembuktian kedua selepas pengakuan yang boleh mencapai tahap *al-yaqin*. Dalam peruntukan seksyen 83 (1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2003 telah menyatakan seperti berikut:

Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, semua orang Islam adalah kompeten untuk memberikan *syahadah* atau *bayyinah* sebagai saksi dengan syarat bahawa mereka adalah '*aqil*, *baligh*, '*adil*, mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka.

Menurut Azizah (2018) saksi dalam sesuatu prosiding mahkamah mempunyai hubung kait dengan keadilan dalam sistem kehakiman Islam kerana keputusan hakim banyak bergantung kepada kekuatan bukti atau keterangan dari pihak-pihak sama ada keterangan tersebut dikemukakan dalam bentuk kesaksian atau dokumen. Selain itu, terdapat juga dalam peruntukan enakmen yang sama dalam seksyen 86 (5) yang menyentuh mengenai bilangan saksi yang perlu dikemukakan oleh pihak-pihak bertikai dalam prosiding mahkamah syariah iaitu:

Kecuali sebagaimana yang diperuntukan selainnya dalam seksyen ini, keterangan hendaklah diberikan oleh dua orang saksi lelaki atau oleh seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada peruntukan di atas, dapat dirumuskan bahawa dalam tuntutan kes hadanah di mahkamah syariah, pihak yang bertikai perlu membawa saksi mereka masing-masing sebagai bentuk pembuktian bagi menyokong sesuatu fakta yang telah dikemukakan oleh mereka terutama fakta yang boleh membuktikan kelayakannya sebagai hadinah atau fakta bahawa pihak satu lagi tidak layak menjadi hadinah disebabkan wujudnya perkara-perkara yang menggugurkan hak tersebut. Sekiranya pihak yang bertikai berjaya membawa saksi mereka dalam prosiding mahkamah untuk membuktikan kelayakan tersebut, maka dapat memudahkan pihak mahkamah untuk membuat keputusan mengenai tuntutan hak hadanah.

Qarinah

Qarinah telah didefinisikan dalam seksyen 3 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2003 iaitu sebagai fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara. Pembuktian melalui *qarinah* telah diaplikasikan dalam mahkamah syariah sekiranya masih

lagi terdapat kekurangan bukti lain daripada pihak-pihak yang bertikai. Pembuktian *qarinah* telah dinyatakan secara terperinci dalam peruntukan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2003 bermula daripada seksyen 5 sehingga seksyen 42. Dengan merujuk kepada peruntukan berikut dapat dilihat bahawa pembuktian *qarinah* boleh diterima di mahkamah syariah dalam pelbagai bentuk.

Dalam seksyen 5 enakmen yang sama memperuntukkan mengenai konsep *qarinah* yang menyatakan bahawa:

Keterangan boleh diberikan dalam mana-mana guaman atau prosiding mengenai kewujudan atau ketakwujudan tiap-tiap fakta persoalan dan mengenai apa-apa fakta lain yang ditetapkan kemudian daripada ini sebagai *qarinah*, dan tidak mengenai apa-apa fakta lain.

Seterusnya, dalam seksyen 9 enakmen yang sama memperuntukkan bahawa:

Fakta yang perlu untuk menghuraikan atau mengemukakan apa-apa fakta persoalan atau fakta relevan, atau yang menyokong atau mematahkan sesuatu kesimpulan yang dibayangkan oleh sesuatu fakta persoalan atau fakta relevan, atau yang menentukan identiti mana-mana benda atau orang yang identitinya ialah relevan, atau yang menetapkan masa atau tempat di mana mana-mana fakta persoalan atau fakta relevan telah berlaku atau yang menunjukkan hubungan pihak-pihak yang olehnya mana-mana fakta itu ditransaksikan, ialah *qarinah* setakat yang fakta itu perlu bagi maksud itu.

Selain daripada itu, *qarinah* juga boleh dikemukakan dalam bentuk keterangan pakar sepetimana yang telah diperuntukkan dalam seksyen 33 enakmen yang sama iaitu:

- 1) Apabila mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan *nasab*, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu, atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan *nasab*, ialah *qarinah*.
- 2) Orang sedemikian itu dipanggil pakar.
- 3)

Pembuktian melalui *qarinah* merupakan satu skop yang luas yang diaplikasikan di dalam mahkamah syariah bagi membuktikan sesuatu fakta yang dikemukakan oleh pihak yang bertikai dalam tuntutan mereka. Dalam tuntutan kes hadhanah, pihak yang bertikai boleh menggunakan *qarinah* sebagai pembuktian sekiranya masih terdapat kekurangan bukti untuk menyokong fakta mereka melalui sebarang metode yang boleh menyokong kesnya selain melalui *iqrar* dan *syahadah*. Sebagai contoh *qarinah* melalui pendapat pakar psikiatri yang boleh memberikan pandangan berkaitan emosi dan kecenderungan anak atau pandangan pakar perubatan yang boleh memberikan sebarang laporan-laporan perlu. Dengan demikian, ia dapat membantu hakim untuk membuat keputusan dengan adil dalam kes hadhanah.

Keterangan Dokumentar

Keterangan dokumentar merupakan salah satu bentuk pembuktian yang sering diguna pakai dan diterima di dalam mahkamah syariah dalam pelbagai kes mal termasuk hadhanah. Keterangan dokumentar telah diperuntukkan dengan jelas dalam seksyen 48 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2003 yang memperuntukkan:

Kandungan dokumen boleh dibuktikan sama ada dengan keterangan primer atau dengan keterangan sekunder.

Menurut Azizah (2023) keterangan dokumen ini secara prinsipnya mestilah dikemukakan di mahkamah dengan keterangan primer atau dokumen asal melainkan dalam keadaan-keadaan tertentu yang membolehkan keterangan sekunder dikemukakan. Perkara ini telah dinyatakan dengan lebih terperinci dalam peruntukan seksyen 51 dan 52 enakmen yang sama.

Oleh itu, dengan merujuk kepada peruntukan di atas dapat dirumuskan bahawa dalam kes hadanah ini juga pihak yang bertikai boleh mengemukakan keterangan dokumentar sebagai salah satu bentuk kaedah pembuktian mereka di mahkamah syariah. Hal ini kerana, keterangan dokumentar ini boleh digunakan untuk menghurai serta dapat menguatkan lagi sebarang fakta yang telah dikemukakan oleh pihak bertikai dalam prosiding suatu tuntutan tersebut dan prinsip ini juga selari dengan prinsip pemakaian *qarinah* selagi dokumen tersebut masih mempunyai kaitan dengan fakta kes hadanah yang menjadi pertikaian. Sebagai contoh dokumen berkaitan sijil kelahiran anak, surat akuan nikah, surat akuan cerai, laporan-laporan perubatan, gambar-gambar yang boleh menyokong tuntutan termasuk apa-apa hasil yang boleh dikeluarkan dari sebarang peranti elektronik seperti pesanan aplikasi *whatsapp*, tangkap layar dan sebagainya.

Alasan Penghakiman Berkaitan Pembuktian Dalam Kes Hadhanah

Dalam peruntukan undang-undang Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Selangor 2003 telah menetapkan mengenai alasan penghakiman iaitu di dalam seksyen 130 (1) dan seksyen 145 yang mana menyatakan:

- 130) (1) Tiap-tiap Hakim perbicaraan hendaklah menyampaikan penghakiman bertulis.
- 145) Mahkamah yang mendengar rayuan hendaklah menyatakan alasan penghakimannya secara bertulis.

Oleh itu, sebelum membuat alasan penghakiman dalam sesuatu kes, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil perhatian oleh para hakim antaranya ialah bidang kuasa, isu yang dibangkitkan, rujukan kes-kes, hukum syarak yang terdiri daripada al-Quran, hadis, kitab-kitab, fatwa dan lain-lain (Mahmod & Buang, 2022). Perkara ini juga selari sepertimana yang telah ditetapkan dalam Arahan Amalan No. 6 Tahun 2001 yang menyatakan bahawa:

Alasan Penghakiman dalam sesuatu kes hendaklah menyentuh mengenai isu yang dibangkitkan, pemakaian undang-undang, Hukum Syarak, pentafsiran dan ulasan ke atas hujah pihak-pihak, dan otoriti kes yang dirujuk.

Justeru itu, menurut Mahmod & Buang (2022), penulisan teks alasan penghakiman merupakan perkara yang penting dalam sesuatu perbicaraan kes di mahkamah syariah. Tambahnya lagi, perkara ini juga merupakan asas-asas penting dalam proses penghakiman

dan keputusan yang dibuat oleh hakim dapat dilihat sepenuhnya melalui penulisan teks alasan penghakiman ini.

Terma ‘pemakaian undang-undang’ dan ‘hukum syarak’ dalam arahan amalan di atas boleh juga merujuk kepada undang-undang berkaitan kaedah pembuktian seperti yang terdapat dalam undang-undang/statut keterangan mahkamah syariah dan dalil-dalil syarak atau kaedah-kaedah fiqh yang berkaitan dengan beban pembuktian, tahap pembuktian serta kaedah pembuktian bagi mengukuhkan alasan penghakiman dalam sesuatu kes.

Selain dari ciri-ciri asas alasan penghakiman, arahan-arahan amalan juga ada menetapkan tentang beberapa aspek berkaitan kaedah pembuktian. Contohnya Arahan Amalan No. 1 Tahun 2003 yang menetapkan garis panduan penggunaan lafaz sumpah *Istizhar* dalam kes mal. Penggunaan lafaz sumpah *Istizhar* ini diterima pakai dalam situasi pihak Defendan tidak menghadirkan diri ke mahkamah dan setelah pihak Plaintiff memberi keterangan. Sebelum mahkamah membuat sebarang keputusan, mahkamah akan memerintahkan pihak Plaintiff untuk mengangkat sumpah *Istizhar* bagi mengelakkan berlakunya tohmah.

Seterusnya, dalam Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006 pula menetapkan garis panduan amalan sumpah dalam tuntutan kes mal di mahkamah syariah. Dalam arahan amalan ini menjelaskan mengenai hak-hak yang boleh menerima sumpah, kehadiran pihak ketika bersumpah, syarat-syarat sumpah, cara bersumpah, anggapan enggan bersumpah, bersumpah atas kebenaran atau perintah hakim, pelaksanaan sumpah dan taghliz sumpah. Penggunaan amalan sumpah ini boleh diguna pakai dalam semua prosiding kes di mahkamah syariah termasuk kes hadhanah.

Dalam kes *AS lwn. SND* [2019], 3 SHLR 30, hakim menyatakan dalam alasannya bahawa terdapat bukti yang dikemukakan oleh Defendan bagi menunjukkan Plaintiff mempunyai hubungan dengan lelaki lain melalui bentuk rakaman video yang dibuat oleh Defendan yang mana dalam video tersebut Plaintiff ada membuat pengakuan terhadap perbuatan zina. Dalam kes ini, mahkamah mendapati bahawa pengakuan Plaintiff yang direkodkan oleh Defendan tersebut adalah bertepatan dengan peruntukan seksyen 17 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003. Walau bagaimanapun, bagi membuktikan bahawa perbuatan Plaintiff dalam kes ini boleh menyebabkan hak hadhanah digugurkan, mahkamah telah merujuk kembali kepada seksyen 84 (b) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 yang memperuntukkan sekiranya perempuan itu berkelakuan buruk secara keterlaluan dan terbuka akan menyebabkan gugur hak hadhanah. Ini bermakna kelakuan buruk yang membolehkan seseorang itu hilang suatu hak penjagaan hendaklah dilakukan secara terbuka. Oleh yang demikian, dakwaan yang dibuat oleh Defendan menunjukkan bahawa masih terdapat kekurangan dari sudut pembuktian yang mana Defendan telah gagal untuk mengaitkan atau menjelaskan sama ada hubungan Plaintiff dengan lelaki tersebut adalah suatu kelakuan buruk dan adakah ia dilakukan secara terbuka atau tertutup. Disebabkan itu, mahkamah berpendapat bahawa Plaintiff dalam kes ini tidak hilang kelayakan kerana Defendan gagal memenuhi elemen yang ditetapkan dalam undang-undang.

Dalam kes *AK lwn NZB* [2020], 2 SHLR 1, mahkamah melihat kepada dokumen yang telah dikemukakan mengenai umur anak yang masih dalam lingkungan umur yang belum *mumayyiz*. Dalam perkara ini, mahkamah telah merujuk pendapat Imam Taqiyuddin Abu Bakar bin Muhammad Al-Husaini di dalam kitab *Kifayah Al-Akhyar*, Juz 2. Mahkamah juga merujuk kepada peruntukan seksyen 82 (1) EUKIS 2003 yang menjelaskan mengenai

kedudukan ibu dalam hak penjagaan, meskipun ianya tertakluk kepada kelayakan ibu tersebut berdasarkan dalam peruntukan seksyen 83 EUKIS 2003. Bukan itu sahaja, mahkamah dalam kes ini juga telah merujuk dalam sebuah hadis Rasulullah S.A.W mengenai ibu adalah lebih berhak ke atas anaknya selagi mana ibu itu belum berkahwin lain. Oleh yang demikian, dengan merujuk kepada kitab, hadis dan peruntukan undang-undang yang berkenaan, mahkamah mendapati bahawa hak penjagaan anak di mana keadaan anak yang menjadi pertikaian melibatkan lingkungan umur anak tersebut yang belum *mumayyiz*, adalah jelas diberikan kepada ibu melainkan terdapatnya pertikaian mengenai kelayakan ibu tersebut.

Dalam kes *AMAK lwn ZJ* [2021], 1 SHLR 60, mahkamah telah melihat kepada afidavit keterangan plaintif, afidavit keterangan saksi dan juga afidavit keterangan utama dan tambahan defendant. Perayu (defendant) dalam kes ini telah gagal membuktikan mengenai perpindahan responden (plaintif) dari Bukit Mahkota ke Dungun adalah bertujuan untuk menghalang perayu sebagai bapa melakukan pengawasan yang perlu ke atas anaknya. Dalam kes ini, mahkamah telah bersetuju dengan hujah responden yang mengatakan bahawa perpindahan tersebut adalah disebabkan kerana tugasan kerja responden sebagai pensyarah yang telah menamatkan pengajiannya dan perlu kembali ke tempat asal bertugas. Fakta mengenai responden telah bertugas di UITM Dungun sejak awal perkahwinan adalah diakui oleh mahkamah. Perayu dalam kes ini telah mempertikaikan kelayakan responden sebagai penjaga dalam pembelaannya. Oleh itu, beban tersebut perlulah ditanggung oleh perayu berdasarkan kepada seksyen 73 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2003. Walau bagaimanapun, dalam kes ini mahkamah mendapati perayu telah gagal membuktikan ketidaklayakan responden sebagai penjaga dan memutuskan untuk hak responden sebagai penjaga dikekalkan.

Kes yang lain adalah *NABA @ CPY lwn ABK* [2022], 1 SHLR 1 dan dalam kes ini, perayu menyatakan responden telah gagal membawa keterangan sehingga melepassi beban pembuktian yang membuktikan bahawa perayu telah hilang kelayakan di bawah seksyen 84 EUKIS 2003 dan seksyen 72, 73 dan 74 EKMS 2003. Mahkamah bersetuju dengan alasan YA Hakim Bicara mendapati dalam pernyataan tuntutan balas responden (Defendant) ada mendakwa bahawa perayu (Plaintif) telah hilang kelayakan atas sebab sengaja tidak berakhlik dengan akhlak Islamiyyah dan telah mencuaikan kebajikan anak. YA Hakim Bicara hanya menyatakan bahawa mahkamah mendapati defendant berkelayakan dan memenuhi syarat sebagai hadinah. Disebabkan itu, atas prinsip kaedah fiqh asal sesuatu itu tiada (*al-aslu al-'adam*) mahkamah berpuas hati menyatakan bahawa perayu tidak hilang kelayakan untuk menjadi penjaga dan mahkamah juga berpuas hati berdasarkan kepada alasan penghakiman YA Hakim Bicara bahawa responden mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat sebagai hadinah.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa pembuktian merupakan aspek yang sangat penting untuk diperincikan dalam alasan penghakiman bagi kes yang berkaitan dengan tuntutan hak hadhanah. Alasan-alasan yang menyentuh aspek pembuktian adalah selari dengan keperluan dari arahan amalan mahkamah syariah untuk memasukkan prinsip-prinsip perundangan dan hukum syarak sebagai sebahagian dari kandungan alasan penghakiman. Apatah lagi dalam kes hadhanah yang memerlukan penelitian mendalam kepada banyak aspek terutama kebajikan kanak-kanak, maka alasan penghakiman yang konkrit dan komprehensif adalah penting bagi mencapai maksud keadilan kepada pihak-pihak yang

bertikai. Berdasarkan kajian ringkas ini, dapat dirumuskan bahawa dalam kes-kes hadanah yang dilaporkan, secara umumnya hakim akan mengulas aspek pembuktian dalam alasan penghakimannya yang menyentuh tentang beban pembuktian, status keterangan pihak-pihak, keterangan saksi, pengakuan pihak-pihak (*iqrar*) dan pengemukaan keterangan dokumentar dengan sokongan dalil atau prinsip-prinsip syarak berkaitan. Lumrahnya, bentuk keterangan atau kaedah-kaedah pembuktian kes hadanah kebiasaannya akan melibatkan tiga kaedah pembuktian utama iaitu *iqrar*, kesaksian dan keterangan dokumen bagi membuktikan kelayakan atau ketidaklayakan seseorang untuk mendapat hak hadanah.

RUJUKAN

- Achmad Muhajir. (2017). Hadhanah Dalam Islam (Hak Pengasuhan Anak Dalam Sektor Pendidikan Rumah). Jurnal SAP Vol. 2, No. 2, 2017.
- Azizah Mohd Rapini. (2018). Amalan Semasa Pengendalian Saksi Di Mahkamah Syariah Di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. Journal Of Muwafaqat Vol. 1, No.2, 2018. 75-85.
- Azizah Mohd Rapini. (2023). Pembuktian Kes Tuntutan Berkaitan Cuai Nafkah: Kajian Terhadap Pembelaan Peningkatan Kos Sara Hidup. International Conference On Syariah & Law 2023 (ICONSYAL) 2023 15th November 2023.
- Arahan Amalan No. 6 Tahun 2001
- Arahan Amalan No. 1 Tahun 2003
- Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006
- Burhanuddin A. Gani & Aja Mughnia. (2021). Konsep Hadhanah Perspektif Mazhab Syafi'i Dan Implementasinya Dalam Putusan Mahkamah Syar'iyah Kota Banda Aceh Nomor 314/Pdt G/2017/MS Bna. Jurnal El-Hadhanah: Indonesian Journal Of Family Law And Islamic Law Vol. 1, No. 1, 2021. 43-62.
- Dina Fatimah, Patimah & Siti Nurul Fatimah Tarimana. (2023). Pertimbangan Hakim Dalam Penetapan Hadhanah Yang Belum Mumayyiz Dibawah Pengasuhan Ayah. Qadauna: Jurnal Ilmiah Mahasiswa Hukum Keluarga Islam Vol. 5, No. 1, 2023.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003
- Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003
- Fadhil Fadani & Muhammad Adib Alfarisi. (2023). Penalaran Aturan Hukum Perlindungan Identitas Agama Pada Anak Dalam Konsep Hadhanah Di Malaysia. As-Syar'i: Jurnal Bimbingan & Kaunseling Keluarga Vol. 6, No. 1, 2023.
- Muhammad Fiqri. (2023). Penerapan Hak Hadhanah Pada Anak Yang Belum Mumayyiz Perspektif Mazhab Syafi'i. Populer: Jurnal Penelitian Mahasiswa Vol. 2, No. 1, 2023.

Nadia Murshida Binti Abd Azzis. (2020). Tuntutan Hadhanah Di Mahkamah Syariah Di Zon Utara Malaysia: Analisis Permasalahan Tatacara Mal Serta Penyelesaiannya. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Universiti Utara Malaysia 2020.

Nur Zulfah Md Abdul Salam. (2018). Asas Pertimbangan Dalam Penghakiman Hadhanah: Analisis Terhadap Kes-Kes Di Mahkamah Syariah. 4th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC 2018).

Nur Zulfah Md Abdul Salam. (2019). Kebajikan Anak Dalam Kes Hadhanah Di Mahkamah Syariah. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Vol 6, Bil. 2, 2019.

Suhaizad Saifuddin, Ruzian Markom & Mohd. Munzil Muhamad. (2019). Kaedah Pembuktian Dalam Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah Dan Mahkamah Sivil Di Malaysia: Suatu Kajian Perbandingan. Kanun 31(1), 2019. 1-34.

Zulzaidi Mahmud & Ahmad Hidayat Buang. (2022). Profesionalisme Hakim Syarie Di Mahkamah Syariah Melalui Pemakaian Arahan Amalan Penulisan Teks Alasan Penghakiman. Journal Of Fatwa Management And Research Vol. 27, No. 4, Sept 2022.